

18 FEB 1997

Abdullah-Iran

IRAN MAHU BELAJAR TENTANG REFORMASI PENTADBIRAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Iran mahu belajar dari Malaysia mengenai reformasi pentadbiran di negara ini sebagai panduan untuk pelaksanaan di negara berkenaan, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata, Iran mahu Malaysia menyediakan peluang kepada pegawainya mengikuti latihan berkaitan dengan reformasi pentadbiran.

"Kita bersedia memberi bantuan latihan khususnya di Intan kepada pegawai-pegawai dari Iran terutamanya untuk mengikuti kursus peringkat antarabangsa yang ada hubungkait dengan pentadbiran, pembangunan dan pelbagai bentuk perancangan," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Naib Presiden Iran Sayyed Mohamed Mir Mohamadi di Wisma Putra di sini.

Sayyed Mohamed, yang bertanggungjawab melaksanakan reformasi pentadbiran di Iran, dalam perbincangannya dengan Abdullah telah meminta agar Malaysia membantu para pegawai negara itu mengenai perkara itu.

Abdullah berkata, kursus antarabangsa yang dijalankan oleh Intan banyak disertai pegawai dari negara membangun dan mencadangkan supaya Iran menghantar pegawai kanannya yang terlibat secara langsung dalam membuat keputusan untuk mengadakan perbincangan lanjut mengenainya.

Malaysia telah melaksanakan reformasi pentadbiran secara besar-besaran sejak awal tahun 1980-an apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil alih sebagai Perdana Menteri dan proses yang berterusan itu telah menjadikan pentadbiran di negara ini lebih dinamik bagi memesatkan lagi kemajuan negara, katanya.

"Negara Islam memerlukan pentadbiran yang dinamik dan tidak terlalu terikat dengan kerehah birokrasi," kata beliau.

Dalam perbincangan itu Abdullah menjelaskan kepada Sayyed Mohamed tentang dasar Persyarikatan Malaysia dan sistem politik di Malaysia yang berasas kepada perkongsian kuasa dalam pemerintahan antara kaum yang berlainan agama dan rancangan untuk meninggikan syiar Islam di negara ini yang dijalankan secara terbuka serta boleh diterima oleh penduduk bukan Islam.

"Imej Islam bukan imej yang menakut-nakutkan mana-mana pihak, tetapi imej yang menarik, yang mempunyai keyakinan bahawa sebagai orang Islam dan negara Islam, kita perlu berbuat sesuatu yang elok, yang tidak memusuhi mana-mana pihak bahkan apa yang kita buat itu akan menghasilkan kejayaan yang boleh dinikmati oleh semua pihak," katanya.

Sayyed Mohamed sedang dalam lawatan tiga hari ke Malaysia sejak Ahad lepas dan telah mengadakan perbincangan dengan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamad Yaakob dan Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Zahir Ismail semalam.

Sementara itu Abdullah menyambut baik kenyataan Setiausaha Luar Filipina Domingo Saizon yang disiarkan dalam akhbar hari ini mengenai kesanggupan negara itu menerima balik pekerja tanpa izin Filipina yang berada di negara ini. -- BERNAMA

AFY NMO